

Laman Mikro  
BERNAMAPerbankan &  
Kewangan

Automotif

Penerbangan

Maritim

Pendidikan

↑



UTAMA

AM

POLITIK

EKONOMI

SUKAN

RENCANA

DUNIA

[| Utama](#) | [Tentang BERNAMA](#) | [Peta Laman](#) | [Hubungi Kami](#) | [Senarai Berita](#) | [Arkib Berita](#)
[| Warna:](#) 

BERNAMA.COM

utama » berita

11 Mac, 2011 19:31 PM

## Jabatan Laut Sasar Daftar 350 Kapal Layar

LANGKAWI, 11 Mac (Bernama) -- Jabatan Laut Malaysia (JLM) menyasarkan mendaftar 350 kapal layar menjelang 2011 di bawah Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi (LIYR).

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Abdul Rahim Bakri berkata LIYR adalah untuk pendaftaran kapal layar antarabangsa yang eksklusif untuk kapal-kapal layar.

"LIYR dikawal selia oleh JLM yang menawarkan pakej pendaftaran yang unik berbanding dengan lain-lain pendaftaran kapal layar antarabangsa di dunia sedia ada sejak ia diperkenalkan pada 2003," katanya kepada pemberita pada majlis keraian kapal layar yang ke 150, 200 dan 250 di sini Jumaat.

Pada majlis itu, kapal Layar YTL Lady, Equinox II dan Royal Albatross telah menerima sijil pendaftaran yang ke 150, 200 dan 250 di bawah LIYR.

Selain itu enam agen turut menerima Sijil Pelantikan Agen Kapal Layar untuk mengalakkan lebih banyak kapal layar luar negeri mendaftar di Malaysia.

Abdul Rahim berkata sehingga kini jumlah kapal layar yang telah berdaftar di bawah LIYR melebihi 250 buah, daripada jumlah itu 175 kapal adalah pemilikan asing dari United Kingdom, Belanda, Perancis, Singapura dan Sepanyol manakala selebihnya dimiliki oleh warga tempatan.

Katanya pada 2010 ia telah mendaftar 84 buah kapal berbanding 64 kapal pada 2009.

Beliau yakin tahap kawal selia dan pengurusan JLM dalam proses pemilikan kapal layar yang terbuka kepada mana-mana individu, syarikat dan entiti kapal layar telah menyumbang kepada pencapaian itu.

Abdul Rahim berkata berdasarkan sambutan positif yang diterima, ia juga menunjukkan potensi yang amat baik dalam industri maritim dan kapal layar di Malaysia.

Katanya jumlah yang disasarkan itu termasuk juga kapal-kapal layar bersaiz mega seiring dengan objektif asal penubuhan sistem pendaftaran ini iaitu menjadikan Malaysia destinasi lumba layar bagi rantau ini.

### Berita-berita Lain

Persatuan Siber Kafe Sarawak Puas Hati Berhubung Keputusan Penganjur Perisian LAN

Penerapan Pengurusan Nilai Sa Penting, Kata Najib

EPL All Stars Julang Piala Mala Masters 2011

Malaysia Peserta Penting Dalam Pelancongan Antarabangsa, Kata Pelancongan Jerman

MCA Cadang Syarikat Insurans Subsidi Bersilang Untuk Insurans Party'